

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR  
[ CAMERON HIGHLANDS ]**

**TARIKH : 29 NOVEMBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR [ CAMERON HIGHLANDS ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan adakah Kerajaan telah mempertimbangkan untuk menubuhkan Perbadanan Orang Asli dan bilakah ianya akan dilaksanakan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

KPLB menghargai inisiatif dan komitmen Majlis Perundingan Melayu (MPM) dalam mengangkat dan memperjuangkan kedudukan dan kepentingan Masyarakat Orang Asli Semenanjung Malaysia. Cadangan penubuhan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Orang Asli oleh MPM sedang diperhalusi dengan pelbagai pihak berkepentingan bagi memastikan tiada pertindihan fungsi di antara JAKOA dan juga Perbadanan Kemajuan Ekonomi Orang Asli tersebut serta tertakluk kepada keputusan Kerajaan berhubung dengan penubuhan perbadanan tersebut.